penurunan jumlah kes yang dilaporkan berkurangan sebanyak 12.5% jika dibandingkan pada tahun 2016.

Pihak Kementerian melalui SKMM juga akan terus memperkasakan penguatkuasaan, siasatan, dan pendakwaan terhadap sebarang salah laku di media sosial. Pemerkasaan ini ditambahbaik dengan kewujudan jalinan kerjasama dalam Jawatankuasa Khas Jenayah Siber yang dianggotai berbilang Kementerian dan agensi bagi melicinkan proses dan menyelaras koordinasi dalam perkara-perkara melibatkan penguatkuasaan, siasatan dan pendakwaan kes jenayah siber yang berlaku di negara ini, termasuk bagi kes-kes penyebaran berita dan maklumat palsu.